

UCAPAN PERDANA MENTERI DI MAJLIS  
PENUTUP DAN PENYAMPAIAN HADIAH  
PERTANDINGAN MEMBACA AL-QURAN  
ANGKATAN TENTERA MALAYSIA DI  
STADIUM ANGKATAN TENTERA, JALAN  
PADANG TEMBAK PADA 28HB SEPTEMBER,  
**1974**

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Yang Berbahagia Jeneral Tan Sri Ibrahim, Ketua Tunis Angkatan Tentera, Y.B. Menteri-menteri, Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli Jawatankuasa Pertandingan Membaca Al-Quran Angkatan Tentera, Saudara-saudara sekalian.

Saya mengucapkan syukur ke hadrat Allah Subhanahuwataala kerana dapat sekali lagi menghadiri majlis penutup dan penyampaian hadiah Pertandingan Membaca Al-Quran dan Berzanji yang diselenggarakan oleh Angkatan Tentera Malaysia pada malam ini. Oleh itu, sukalah saya mengucapkan setinggi-tinggi terimakasih dan tahniah kepada Yang Berbahagia Jeneral Tan Sri Ibrahim dan juga Pengerusi serta Ahli-ahli Jawatankuasa Pengelola Pertandingan ini di atas usaha mereka untuk menjayakan sekali lagi Pertandingan Membaca Ayat-ayat Suci Al-Quran ini.

Saudara-saudara sekalian.

Malam ini ialah Pertandingan Membaca Al-Quran dan Berzanji yang kedua puluh empat yang diselenggarakan pada tiap-tiap tahun oleh Angkatan Tentera kita. Kita semua bersyukur ke hadrat Tuhan bahawa pertandingan ini adalah dijalankan dengan lebih sempurna dan bertambah meriah dari setahun ke setahun. Seperti yang telah diterangkan oleh Jeneral Tan Sri Ibrahim dan juga oleh Pengerusi Jawatankuasa Pertandingan ini bahawa tujuan mengadakan Pertandingan Membaca Al-Quran dan Berzanji ini bukanlah semata-mata untuk hendak memuliakan bulan Ramadan dengan suasana yang meriah akan tetapi lebih penting lagi ialah bertujuan untuk menggalakkan umat Islam khususnya anggota-anggota tentera membaca ayat-ayat suci Al-Quran dan memahami isi kandungannya serta hikmat-hikmat yang ada di sebalik ayat-ayat suci itu. Dengan cara yang demikian, bukan saja kita dapat

menjalankan hukum-hukum Allah dengan keadaan yang lebih sempurna bahkan kita dapat mengeratkan lagi silaturahmi dan persefahaman di kalangan umat Islam khususnya anggota-anggota tentera di semua peringkat yang beragama Islam.

Saudara-saudara sekalian.

Usaha Kerajaan kita mengadakan Pertandingan Membaca Ayat-ayat Suci Al-Quran tiap-tiap bulan Ramadan di semua peringkat—peringkat kampung, daerah, negeri, kebangsaan dan antarabangsa—ialah bertujuan hendak meninggikan lagi syiar Islam di negara kita. Begitu juga dengan kita menggalakkan umat Islam membaca dan memahami Kitab Suci Al-Quran itu, adalah sejajar dengan dasar Kerajaan kita hendak menguatkan ajaran-ajaran di lapangan rohaniah sambil kita menggalakkan usaha-usaha di lapangan kebendaan bagi semua rakyat Malaysia supaya menjadi rakyat yang maju dan bahagia serta rakyat yang taat kepada Tuhan.

Saudara-saudara sekalian.

Upacara pada malam ini adalah mempunyai makna yang istimewa kepada saya sendiri kerana setelah meninggalkan Kementerian ini selama hanya tiga belas bulan, saya telah balik memegang jawatan sebagai Menteri Pertahanan. Saya bersyukur dengan perubahan ini kerana ini adalah memberi saya peluang sekali lagi berdamping rapat dengan anggota-anggota tentera di semua peringkat.

Kita semua bersyukur ke hadrat Tuhan bahawa keadaan keselamatan di negara kita adalah terkawal. Ini disebabkan oleh ketabahan dan keberanian anggota-anggota tentera dan juga pasukan keselamatan negara kita yang telah dan sedang menjalankan tugas mereka itu dengan jujur dan penuh dedikasi. Pada upacara yang bahagia ini, marilah kita bersama-sama mengingatkan mereka-mereka yang telah gugur kerana mempertahankan kedaulatan dan keselamatan negara kita dan bersama-sama berdoa mudah-mudahan Allah mencururkan rahmat ke atas roh mereka itu. Begitu juga pada bulan yang mulia ini, dan tidak berapa lama lagi pada masa kita bersukaria menyambut Hari Raya Aidilfitri, patut juga kita mengingati anggota-anggota tentera kita yang terpaksa bertugas di pendalaman dan di hutan rimba sempadan antara negara kita dengan Thailand dan juga di Sabah dan Sarawak. Mereka tidak dapat bersama dengan kita dan khasnya

dengan anak isteri mereka dalam bulan yang mulia ini dalam suasana yang meriah itu.

Bagi pihak Kerajaan, Kerajaan bukan saja menghargai perkhidmatan dan pengorbanan mereka itu bahkan sentiasa mengambil langkah-langkah yang tertentu untuk menjaga kepentingan mereka dan juga anak isteri mereka.

Saudara-saudara sekalian.

Sebagaimana kita maklum, Kerajaan sedang menjalankan berbagai usaha untuk kebajikan anggota-anggota tentera dan keluarga mereka supaya seluruh anggota tentera terutamanya mereka dari peringkat rendah dapat menumpukan sepenuh masa menjalankan tugas dan kewajipan tanpa diganggu oleh masalah keluarga dan sebagainya. Kerajaan sedar hari ini masalah perumahan angkatan tentera semakin bertambah rumit dengan bertambahnya kekuatan anggota angkatan tentera dalam beberapa tahun ini.

Bagi mengatasi masalah ini, Kerajaan telahpun menyediakan peruntukan sebanyak \$460 juta di bawah Rancangan Malaysia Kedua untuk melaksanakan rancangan perumahan bagi anggota tentera. Setakat ini sebanyak lebih 5,500 unit rumah kelamin telah dapat disiapkan sementara hampir 8,000 unit lagi akan disiapkan pada akhir tahun ini. Kerajaan berharap akan dapat mendirikan 15,000 unit lagi dalam tahun 1975. Dengan pembinaan rumah-rumah baru ini maka sebahagian besar daripada keperluan perumahan anggota tentera akan dapat diselesaikan menjelang akhir Rancangan Malaysia Kedua.

Begitu juga dua hari dulu pada masa lawatan saya yang pertama kali ke Kementerian Pertahanan selepas penubuhan Kerajaan Baru dan selepas saya mengambil alih Kementerian ini, saya telah memberi arahan supaya dijalankan satu rancangan khas bagi mendirikan rumah-rumah dengan cara segera atau "crash programme" bagi anggota-anggota tentera yang berpangkat rendah atau "rank and file" di bandar-bandar besar khasnya di Kuala Lumpur, Ipoh, Johor Baharu di mana keadaan perumahan adalah mendesak. Begitu juga kita akan mengadakan kemudahan-kemudahan perumahan yang sama kepada anggota-anggota Polis kerana mereka pun sama berjasa dan berbakti kepada bangsa dan negara kita.

Saudara-saudara sekalian.

Satu lagi perkara yang menjadi kesulitan kepada anggota pasukan keselamatan yang terpaksa bergerak atau berpindah dari tempat ke setempat dalam menjalankan tugas mereka ialah soal persekolahan anak-anak. Kadang kala oleh kerana kerap sangat berpindah maka pelajaran anak-anak itu tergendala yang sudah tentu akan mengakibatkan masa depan mereka. Keadaan ini tidak dapat tiada mengganggu fikiran anggota-anggota pasukan keselamatan dan sedikit sebanyak melemahkan kecekapan mereka menjalankan tugas sehari-hari.

Kerajaan sangat memandang berat atas masalah ini dan untuk mengatasinya Kerajaan bercadang mengadakan kemudahan asrama bagi anak-anak anggota pasukan keselamatan. Projek ini akan dilaksanakan secara berperingkat, berdasarkan kepada keperluan serta sambutan yang diterima. Sebagai permulaan sebuah asrama lelaki dan sebuah asrama perempuan akan dibina di tiap-tiap pusat iaitu di Alor Star, Ipoh, Johor Baharu dan Kuantan. Asrama-asrama ini dikhaskan untuk penuntut-penuntut sekolah menengah dan tiap sebuah mempunyai kemudahan untuk menempatkan seramai 300 penuntut. Kita akan merancang kemudahan yang sama di pusat-pusat yang lain sehingga semua keperluan dapat dipenuhi. Saya harap projek ini akan mendapat sambutan baik dari kalangan anggota pasukan keselamatan dan saya percaya dengan kemudahan ini anak-anak mereka akan mencapai kemajuan yang lebih dalam pelajaran mereka.

Saudara-saudara sekalian.

Adalah menjadi harapan saya dengan sistem pelajaran yang teratur dan sempurna sejajar dengan hasrat dan semangat dasar pelajaran kebangsaan, kita akan dapat mendidik dan melatih jenerasi baru kita menjadi rakyat yang bersatupadu, berdisiplin dan terlatih. Dengan tujuan itulah saya telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa Peringkat Menteri yang dipengerusikan oleh Menteri Pelajaran yang baru, Dr Mahathir untuk menyemak dan meneliti perkara ini. Saya penuh yakin dengan kerjasama ibu bapa dan pemimpin-pemimpin semua kaum, dalam masa jangka yang tidak lama, Malaysia akan dapat mewujudkan sebuah masyarakat yang kuat, progresif, bersatupadu dan berdisiplin yang akan membawa negara ke arah kemajuan yang lebih tinggi serta keamanan dan kebahagiaan.

Saudara-saudara sekalian.

Saya bersyukur ke hadrat Tuhan kerana dalam pilihanraya umum baru-baru ini, Kerajaan yang saya pimpin telah mendapat mandat yang begitu besar daripada rakyat. Mandat yang besar ini adalah memberi tanggungan yang berat pula kepada saya dan rakan-rakan saya berkhidmat bagi melaksanakan cita-cita dan hasrat rakyat, akan tetapi saya suka menegaskan iaitu kami adalah berazam untuk bekerja dengan jujur dan dedikasi untuk melaksanakan janji-janji kami dalam pilihanraya yang baru lalu dan juga untuk membawa negara kita ke tingkatan kemajuan yang lebih luas dan lebih sempurna lagi. Saya yakin dan percaya, dengan izin Tuhan, Kerajaan Barisan Nasional akan dapat menjalankan tugasnya dengan sempurna dan berkesan dengan kerjasama yang penuh daripada rakyat daripada semua lapisan dan golongan. Begitu juga, saya berharap dan berseru kepada anggota-anggota tentera kita khasnya dan anggota-anggota pasukan keselamatan supaya terus berkhidmat untuk menghapuskan musuh-musuh negara dan juga anasir-anasir anti-nasional yang masih lagi ada di kalangan masyarakat kita yang bertujuan hendak memecahbelahkan rakyat dan menimbulkan hum hara di negara kita. Kita semua faham dan mengetahui bahawa hanyalah dengan terjaminnya keamanan dan ketenteraman barulah dapat rakyat menikmati kemajuan-kemajuan dan juga kemakmuran yang mereka cita-citakan itu. Oleh itu, marilah kita bersama-sama menumpukan usaha dan tenaga kita bagi memulihkan keamanan untuk mengekalkan perpaduan di kalangan rakyat supaya kita dapat menjaminkan masa depan yang cemerlang bagi kita dan anak cucu kita.

Sekianlah sahaja pesanan saya yang ringkas dan saya dengan amat sukacitanya menutup dengan rasminya Pertandingan Membaca Al-Quran dan Berzanji Angkatan Tentera Malaysia yang kedua puluh empat ini dengan harapan mudah-mudahan kita akan dapat berjumpa lagi pada tahun hadapan dalam pertandingan yang sama bagi yang kedua puluh lima. Marilah kita berdoa ke hadrat Allah Subhanahuwataala mudah-mudahan segala usaha-usaha kita sentiasa diberkati olehNya.

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.